

LAPORAN KEPUTUSAN KES PENDAKWAAN

PS Green Energy Sdn Bhd (OKS) telah dituduh di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu, Terengganu bagi pertuduhan di bawah subseksyen 37(7) Akta Bekalan Elektrik 1990 selaku pemegang Lesen Awam Penjanaan Tenaga Boleh Baharu skim Feed in Tariff (FiT) telah gagal memenuhi syarat lesen iaitu tidak menjelaskan fi lesen bermula pada tahun 2018 sehingga tahun 2023. Pada 5 Ogos 2025, OKS mengaku bersalah terhadap pertuduhan berkenaan dan mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM3,000.00 jika gagal bayar 1 bulan penjara. OKS telah membayar denda tersebut.